



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 109

AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

Tarikh Perkenan Diraja	15 Jun 1973
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	21 Jun 1973

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	1994
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	2000

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 109

AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PEMBENTUKAN PERTUBUHAN PELADANG

3. Pembentukan
4. Larangan
5. Pertubuhan Peladang hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan
6. Tujuan Pertubuhan Peladang

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

7. Pendaftar bagi Pertubuhan Peladang
8. Daftar

BAHAGIAN IV

HAK DAN TANGGUNGAN

9. Anggota dan unit anggota Pertubuhan Peladang
10. Pelupusan hasil kepada atau melalui Pertubuhan Peladang
11. Lien dan tolakan berkenaan dengan syer atau kepentingan anggota atau unit anggota

Seksyen

12. Syer atau kepentingan tidak boleh ditahan atau dijual
13. Pindah hakmilik kepentingan apabila anggota mati atau unit anggota dibubarkan
14. Pengarah
15. Wang Pertubuhan Peladang
- 15A. Kuasa untuk meminjam wang, dsb.
- 15B. Pelaburan wang
16. Kumpulan Wang Rizab
17. Penyelesaian pertikaian
18. Kes dinyatakan atas soal undang-undang

BAHAGIAN IVA

PENGGABUNGAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN DAN NEGERI

- 18A. Prosedur penggabungan Pertubuhan Peladang Kawasan
- 18B. Pendaftaran Pertubuhan Peladang Negeri
- 18C. Prosedur bagi penggabungan Persatuan Peladang Negeri

BAHAGIAN V

PEMERIKSAAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMBUBARAN

19. Kuasa untuk memeriksa
20. Kuasa untuk menggantung dan membubarkan
21. Rayuan
22. Tidak boleh menjalankan urusan dalam masa penggantungan
23. Pengurusan dalam masa penggantungan
24. Audit
- 24A. Hak akses kepada rekod, dsb.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

25. Daftar anggota
26. Bukti mengenai catatan dalam buku Pertubuhan Peladang dan unit anggota

Seksyen

27. Kuasa khas Menteri bagi mengecualikan daripada kehendak tentang pendaftaran, dsb.
28. Kuasa untuk mengecualikan daripada duti atau cukai
- 28A. Mesyuarat agung tahunan
29. Dilarang menggunakan perkataan “Pertubuhan Peladang”
30. Undang-undang Kesatuan Sekerja dan Akta Syarikat tidak terpakai
31. Kesalahan
32. Larangan dan sekatan ke atas pendaftaran koperasi berasaskan pertanian
33. Kos bagi pembubaran paksa hendaklah ditanggung oleh Lembaga Pertubuhan Peladang
34. Akta ini hendaklah terpakai
35. Peraturan-peraturan
36. Pemansuhan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 109

AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk pendaftaran Pertubuhan Peladang, pengawalan dan pengawasan Pertubuhan itu dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[*Seluruh Malaysia—1 November 1973*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan Peladang 1973 dan hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

(2) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh bagi mula berkuat kuasanya Akta ini dan boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya kesemua bahagian atau bahagian yang berlainan dalam Akta ini dalam kesemua bahagian atau bahagian yang berlainan dalam Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“koperasi berasaskan pertanian” ertinya sesuatu koperasi yang apabila Akta ini mula berkuat kuasa didaftarkan di bawah Akta

Koperasi 1948 [Akta 287]*, Ordinan Koperasi 1958 Sabah [Ordinan 3 tahun 1958]* dan Ordinan Koperasi Sarawak [Bab 66]* dan yang tujuan pokoknya atau fungsi utamanya adalah mengenai pengeluaran pertanian, kredit pertanian, pemasaran atau pemprosesan atau apa-apa usaha perniagaan dan perdagangan seperti itu:

Dengan syarat bahawa jika ada sesuatu pertikaian tentang sama ada sesuatu koperasi ialah suatu koperasi berasaskan pertanian, pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Lembaga Pertubuhan Peladang yang keputusannya itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah;

“Lembaga Pertubuhan Peladang” atau “Lembaga” ertinya Lembaga yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 110];

“Pertubuhan Peladang” ertinya sesuatu pertubuhan peladang yang dibentuk di bawah seksyen 3 di peringkat Kawasan, Negeri atau Kebangsaan dan yang didaftarkan di bawah seksyen 9.

BAHAGIAN II

PEMBENTUKAN PERTUBUHAN PELADANG

Pembentukan

3. (1) Sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan boleh dibentuk mengikut peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya bagi mana-mana kawasan di mana-mana Negeri oleh tidak kurang daripada lima puluh orang yang memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen 9(1) dan yang sebelum pembentukan itu telah berhimpun di suatu mesyuarat bagi maksud membentuk suatu Pertubuhan Peladang.

(2) Mana-mana dua atau lebih Pertubuhan Peladang Kawasan yang didaftarkan mengikut Akta ini boleh dengan kelulusan Pendaftar dan mengikut mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya bergabung menjadi suatu Pertubuhan Peladang Negeri.

(3) Mana-mana dua atau lebih Pertubuhan Peladang Negeri yang didaftarkan mengikut Akta ini boleh dengan kelulusan Pendaftar

*CATATAN—Akta 287, Sabah Ordinan 3 tahun 1958 dan Sarawak Bab 66 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Koperasi 1993 [Akta 502]—lihat seksyen 95 Akta 502.

dan mengikut mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya bergabung menjadi suatu Pertubuhan Peladang Kebangsaan.

Larangan

4. Tiada Pertubuhan Peladang boleh menjalankan urusan melainkan jika ia dibentuk dan didaftarkan mengikut peruntukan Akta ini.

Pertubuhan Peladang hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan

5. Apabila didaftarkan di bawah Akta ini, sesuatu Pertubuhan Peladang—

- (a) hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dengan mempunyai suatu meterai perbadanan dan hendaklah mempunyai kuasa bagi membuat kontrak, bagi memulakan dan membela tindakan, guaman dan prosiding undang-undang dan bagi membuat segala perkara yang perlu bagi maksud mencapai tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 6; dan
- (b) boleh memperoleh dengan jalan pajakan, pembelian, derma, pemberian, devis, pemberian wasiat atau selainnya sesuatu harta alih atau harta tak alih bagi mana-mana tujuan pertubuhan itu dan bagi maksud itu boleh menjual atau memajakkan atau selainnya membuat apa-apa urusan berkenaan dengan mana-mana harta itu.

Tujuan Pertubuhan Peladang

6. (1) Suatu Pertubuhan Peladang boleh dibentuk bagi tujuan memajukan kepentingan ekonomi dan sosial atau kebajikan ahlinya atau unit ahlinya dan hendaklah mempunyai kuasa bagi melakukan segala perkara yang perlu untuk mencapai tujuan itu dan khususnya tetapi tanpa menyentuh keluasan perkara yang tersebut terdahulu, ia hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk mengadakan perkhidmatan pengembangan dan kemudahan latihan kepada peladang bagi melengkapkan diri mereka dengan teknologi yang perlu bagi memajukan pertanian, perkebunan, penternakan binatang, ekonomi rumah tangga, perniagaan pertanian dan perusahaan komersial yang lain;

- (b) untuk meluaskan pengeluaran pertanian di kalangan peladang dan pekebun kecil untuk mencapai kepelbagaian dan pengkomersialan pertanian yang lebih luas dan untuk meluaskan dan memajukan perniagaan pertanian;
- (c) untuk mengadakan bekalan ladang dan keperluan harian termasuk kemudahan lain yang dikehendaki bagi perladangan yang progresif dan kehidupan luar bandar yang lebih baik;
- (d) untuk mengadakan kemudahan dan perkhidmatan kejenteraan ladang yang perlu bagi memodenkan usaha perladangan;
- (e) untuk mengadakan kemudahan dan perkhidmatan kredit dan memajukan pelaburan yang lebih besar dalam bidang pertanian dan ekonomi;
- (f) untuk memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menawarkan perkhidmatan bagi simpanan wang luar bandar;
- (g) untuk mengadakan perkhidmatan pemasaran, penyimpanan, kompleks pengeringan, penggudangan dan kemudahan lain;
- (h) untuk mengendali dan mengadakan kemudahan pengangkutan bagi menambah usaha pemasaran pertanian dan usaha yang berkaitan;
- (i) untuk menubuhkan dan mengendalikan loji memproses dan kompleks mengilang yang perlu bagi memproses hasil pertanian;
- (j) untuk membolehkan pembentukan modal dan pelaburan di kalangan anggota atau unit anggotanya melalui penubuhan syarikat atau penyertaan ekuiti dalam usaha perdagangan dan perniagaan;
- (k) untuk membantu anggota dalam memperoleh tanah dan untuk menjalankan projek kemajuan tanah bagi faedah anggota;
- (l) untuk menggalakkan dan mempergiat tindakan kumpulan melalui pelbagai projek kemasyarakatan dan memudahkan kemajuan pimpinan;
- (m) untuk mengadakan perkhidmatan sosial, kemudahan pendidikan dan rekreasi untuk menambah kemajuan sosial dan kebajikan keluarga perladangan.

(2) Walau apa pun kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), sesuatu Pertubuhan Peladang boleh menubuhkan apa-apa syarikat atau menyertai ekuiti mana-mana usaha perdagangan atau perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pendaftar, dan Pendaftar boleh, pada memberikan kelulusan sedemikian, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(3) Tanpa menjejaskan kuasa yang diberikan kepada Pendaftar dalam subseksyen (2), Pendaftar boleh, melalui perintah secara bertulis, menghadkan, mengenakan syarat ke atas atau mengawal selia kuasa sesuatu Pertubuhan Peladang untuk memastikan kecekapan dan untuk mengelakkan penduaan, fungsi Pertubuhan Peladang itu.

(4) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan apa-apa perintah Pendaftar di bawah subseksyen (2) atau (3) boleh merayu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perintah itu dibuat dan Menteri boleh mengesahkan, mengubah atau membatalkan perintah itu; dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

Pendaftar bagi Pertubuhan Peladang

7. (1) Bagi maksud Akta ini hendaklah ada seorang Pendaftar Pertubuhan Peladang (dalam Akta ini disebut “Pendaftar”) yang bertanggungjawab bagi pendaftaran, pengawasan dan pengawalan semua Pertubuhan Peladang.

(2) Ketua Pengarah bagi Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah menjadi Pendaftar.

(3) Pendaftar boleh secara bertulis mewakilkan mana-mana orang, termasuk mana-mana pegawai dalam perkhidmatan awam di Negeri Sabah dan Sarawak, dengan mana-mana daripada kuasanya di bawah Akta ini kecuali kuasanya untuk menggantung atau membubarkan Pertubuhan Peladang.

Daftar

8. Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggarakan atau menyebabkan supaya disimpan dan disenggarakan suatu daftar atau daftar yang mengandungi butir-butir berkenaan dengan pendaftaran semua Pertubuhan Peladang sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat.

BAHAGIAN IV

HAK DAN TANGGUNGAN

Anggota dan unit anggota Pertubuhan Peladang

9. (1) Seseorang yang merupakan seorang warganegara Malaysia, telah mencapai umur 18 tahun dan—

- (a) mengambil bahagian dalam pengeluaran pertanian atau ternakan;
- (b) yang pendapatannya didapati daripada pengeluaran pertanian atau ternakan; atau
- (c) menguasai mana-mana daripada faktor pengeluaran pertanian atau ternakan,

adalah layak, tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, untuk menjadi seorang anggota sesuatu Pertubuhan Peladang.

(2) Sesuatu koperasi berasaskan pertanian atau mana-mana kumpulan orang adalah layak menjadi suatu unit anggota Pertubuhan Peladang tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Anggota dan unit anggota bagi sesuatu Pertubuhan Peladang yang dibentuk dan didaftarkan mengikut Akta ini tidak boleh menjalankan hak seseorang anggota atau sesuatu unit anggota sehingga anggota atau unit anggota itu telah membuat apa-apa pembayaran kepada Pertubuhan Peladang itu berkenaan dengan keanggotaan atau memperoleh apa-apa kepentingan dalam Pertubuhan Peladang itu sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau oleh perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

(4) Seseorang anggota atau sesuatu unit anggota terhenti menjadi seorang anggota atau suatu unit anggota bagi sesuatu Pertubuhan Peladang—

- (a) apabila anggota itu meletakkan jawatan dengan sukarela mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu;
- (b) apabila anggota itu disifatkan telah terhenti menjadi seorang anggota menurut mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau menurut peruntukan perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu;
- (c) mengenai seseorang anggota apabila anggota itu mati atau mengenai sesuatu unit anggota, apabila unit itu dibubarkan.

Pelupusan hasil kepada atau melalui Pertubuhan Peladang

10. (1) Sesuatu Pertubuhan Peladang yang satu daripada tujuannya melupuskan apa-apa hasil anggota atau unit anggotanya, boleh memperuntukkan dalam kaedah-kaedahnya atau boleh dengan cara lain membuat kontrak dengan anggota atau unit anggotanya—

- (a) bahawa tiap-tiap anggota atau unit anggota itu yang menghasilkan apa-apa benda itu hendaklah melupuskan kesemua atau apa-apa amaun, kadar atau perihalan tertentu benda itu kepada atau melalui Pertubuhan Peladang; dan
- (b) bahawa seseorang anggota atau sesuatu unit anggota yang dibuktikan atau dihukum mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai telah melakukan suatu pelanggaran terhadap kaedah-kaedah atau kontrak itu hendaklah membayar kepada Pertubuhan Peladang itu sebagai ganti rugi yang ditentukan banyaknya sejumlah wang yang ditentukan atau ditaksirkan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh peraturan yang disebut terdahulu.

(2) Tiada kontrak yang dibuat di bawah peruntukan seksyen ini boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas alasan semata-mata bahawa ia adalah suatu kontrak menghalang perdagangan.

Lien dan tolakan berkenaan dengan syer atau kepentingan anggota atau unit anggota

11. Sesuatu Pertubuhan Peladang hendaklah mempunyai suatu lien ke atas suatu syer atau kepentingan dalam modal dan ke atas deposit seseorang anggota atau sesuatu unit anggota atau bekas anggota atau bekas unit anggota atau anggota yang sudah mati dan ke atas sesuatu dividen, bonus atau keuntungan yang kena dibayar kepada seseorang anggota atau sesuatu unit anggota atau bekas anggota atau bekas unit anggota atau kepada harta pusaka seorang anggota yang sudah mati berkenaan dengan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Pertubuhan Peladang oleh anggota atau unit anggota atau bekas anggota atau bekas unit anggota atau harta pusaka itu, dan boleh menolak apa-apa jumlah wang yang dikreditkan atau kena dibayar kepada seseorang anggota atau sesuatu unit anggota atau bekas anggota atau bekas unit anggota atau harta pusaka seorang anggota yang sudah mati pada atau terhadap pembayaran apa-apa hutang itu.

Syer atau kepentingan tidak boleh ditahan atau dijual

12. (1) Tertakluk kepada seksyen 11 Akta ini, syer atau kepentingan seseorang anggota atau sesuatu unit anggota dalam modal sesuatu Pertubuhan Peladang tidak boleh ditahan atau dijual di bawah apa-apa dekri atau perintah sesuatu mahkamah berkenaan dengan apa-apa hutang atau tanggungan yang dilakukan oleh anggota atau unit anggota itu, dan juga pemegang hartanya dalam hal keadaan tidak berkemampuannya atau seseorang penerima yang dilantik dengan sewajarnya tidak berhak kepada, atau mempunyai apa-apa tuntutan ke atas, syer atau kepentingan itu.

(2) Tanggungan seseorang anggota atau unit anggota bagi hutang sesuatu Pertubuhan Peladang hendaklah ditentukan mengikut perkadaran syer atau kepentingan yang dipegang oleh anggota atau unit anggota itu berbanding dengan keseluruhan hutang Pertubuhan Peladang itu.

Pindah hakmilik kepentingan apabila anggota mati atau unit anggota dibubarkan

13. (1) Apabila seseorang anggota mati atau sesuatu unit anggota dibubarkan, sesuatu Pertubuhan Peladang boleh—

- (a) berkenaan dengan anggota yang sudah mati itu, memindahkan hakmilik syer atau kepentingan anggota yang sudah mati itu kepada orang yang dinamakan mengikut

peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau, jika tiada seseorang pun yang dinamakan sedemikian, kepada seseorang yang ternyata pada Jemaah Pengarah ialah waris atau wakil di sisi undang-undang bagi anggota yang sudah mati itu atau boleh membayar kepada orang yang dinamakan, waris atau wakil di sisi undang-undang itu mengikut mana-mana yang berkenaan, sejumlah wang yang berupa nilai syer atau kepentingan anggota yang sudah mati itu sebagaimana yang ditentukan mengikut apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

- (b) berkenaan dengan sesuatu unit anggota yang dibubarkan, membayar kepada pelikuidasi sejumlah wang yang berupa nilai syer atau kepentingan unit anggota yang dibubarkan itu sebagaimana yang ditentukan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu Pertubuhan Peladang boleh membayar segala wang lain yang kena dibayar kepada anggota yang sudah mati atau unit anggota yang dibubarkan oleh Pertubuhan Peladang kepada orang yang dinamakan, waris, wakil di sisi undang-undang atau pelikuidasi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Segala pemindahan hakmilik dan pembayaran yang dibuat oleh Pertubuhan Peladang mengikut peruntukan seksyen ini adalah sah dan berkesan terhadap apa-apa tuntutan yang dibuat ke atas Pertubuhan Peladang oleh mana-mana orang lain.

Pengarah

14. (1) Setiap Pertubuhan Peladang hendaklah diuruskan oleh suatu Jemaah Pengarah yang dipilih atau dilantik mengikut, dan mempunyai apa-apa kuasa yang ditetapkan oleh, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

(2) Bagi maksud menjalankan urusan kerja setiap Pertubuhan Peladang itu, seorang Pengurus Besar dan pegawai dan pekhidmat lain hendaklah ada bagi Pertubuhan Peladang itu yang dilantik mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

(3) Tanggungjawab dan kewajipan Pengurus Besar, pegawai dan Jemaah Pengarah yang disebut terdahulu hendaklah mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

(4) Pengarah hendaklah memegang jawatan, bersara dan boleh dipecat daripada jawatannya mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

(5) Jawatan seseorang pengarah hendaklah disifatkan sebagai dikosongkan dalam mana-mana daripada hal yang berikut iaitu:

- (a) jika dia menjadi bankrap;
- (b) jika dia disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah berkenaan dengan penipuan, kecurangan atau keburukan akhlak;
- (c) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Jemaah Pengarah tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran;
- (d) jika dia terhenti menjadi seorang warganegara Malaysia atau seorang anggota Pertubuhan Peladang itu;
- (e) jika dia menjadi gila;
- (f) jika dia mengambil bahagian dalam apa-apa urusan atau bertindak mengikut suatu cara yang pada pendapat Pendaftar mendatangkan mudarat kepada kepentingan Pertubuhan Peladang itu; atau
- (g) jika dia menerima gaji daripada atau menjadi pekerja bergaji Pertubuhan Peladang itu.

Wang Pertubuhan Peladang

15. Wang setiap Pertubuhan Peladang hendaklah terdiri daripada—

- (a) yuran anggota dan unit anggota; dan
- (b) wang yang diperoleh, yang terakru atau yang didapati menurut kuasa Pertubuhan Peladang itu yang diberikan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

Kuasa untuk meminjam wang, dsb.

15A. (1) Tertakluk kepada seksyen 6, dan kepada apa-apa had sebagaimana yang dikenakan dari semasa ke semasa oleh Pendaftar, sesuatu Pertubuhan Peladang boleh meminjam wang atau menanggung komitmen atau tanggungan kewangan lain bagi maksud melaksanakan tujuan dan fungsinya.

(2) Dalam setiap mesyuarat agung tahunan, tiap-tiap Pertubuhan Peladang hendaklah menentukan, tertakluk kepada had-had yang dikenakan oleh Pendaftar menurut subseksyen (1), had maksimum keterhutangan yang boleh ditanggung olehnya pada bila-bila masa dalam tahun kewangan akan datang disebabkan wang yang dipinjam atau akan dipinjam dan komitmen dan tanggungan kewangan lain yang dibuat atau akan dibuat sebelum dan dalam tahun kewangan itu.

Pelaburan wang

15B. Tertakluk kepada seksyen 6, sesuatu Pertubuhan Peladang boleh melaburkan atau mendepositkan wangnya—

- (a) ke dalam mana-mana bank yang diluluskan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa;
- (b) dalam apa-apa sekuriti Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri;
- (c) dalam sekuriti yang dikeluarkan di dalam Persekutuan dengan kelulusan Perbendaharaan oleh mana-mana pihak berkuasa awam yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri;
- (d) dengan kelulusan Pendaftar, dalam modal syer atau sekuriti mana-mana badan atau syarikat berdaftar;
- (e) dengan kelulusan Pendaftar, dalam pembelian tanah atau bangunan atau dalam pembinaan bangunan; atau
- (f) dengan apa-apa cara lain yang diluluskan oleh Pendaftar.

Kumpulan Wang Rizab

16. Tiap-tiap Pertubuhan Peladang hendaklah menubuhkan suatu Kumpulan Wang Rizab yang hendaklah mengandungi wang daripada kumpulan wang am yang diasingkan bagi maksud itu dan yang hendaklah digunakan mengikut perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang itu.

Penyelesaian pertikaian

17. (1) (a) Jika sesuatu pertikaian yang menyentuh urusan sesuatu Pertubuhan Peladang berbangkit—

- (i) di kalangan anggota, unit anggota, bekas anggota, bekas unit anggota dan orang yang menuntut melalui anggota, unit anggota, bekas anggota, bekas unit anggota dan anggota yang sudah mati;

- (ii) antara seorang anggota, unit anggota, bekas anggota, bekas unit anggota atau orang yang menuntut melalui seorang anggota, unit anggota, bekas anggota, bekas unit anggota atau anggota yang sudah mati dengan Pertubuhan Peladang itu atau Jemaah Pengarahnya; atau
- (iii) antara Pertubuhan Peladang itu dengan sesuatu Pertubuhan Peladang yang lain;

pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Pendaftar untuk keputusan.

(b) Sesuatu tuntutan oleh mana-mana Pertubuhan Peladang kerana sesuatu hutang atau tuntutan yang kena dibayar kepadanya oleh seseorang anggota, unit anggota, bekas anggota, bekas unit anggota atau orang yang dinamakan, waris atau wakil di sisi undang-undang bagi seseorang anggota yang sudah mati atau pelikuidasi bagi sesuatu unit anggota yang dibubarkan atau sesuatu tuntutan oleh Pertubuhan Peladang peringkat yang lebih tinggi bagi sesuatu hutang atau tuntutan yang kena dibayar oleh Pertubuhan Peladang peringkat yang lebih rendah hendaklah disifatkan sebagai suatu pertikaian yang menyentuh urusan Pertubuhan Peladang itu.

(2) Pendaftar boleh, apabila menerima sesuatu rujukan di bawah subseksyen (1)—

- (a) memutuskan pertikaian itu sendiri; atau
- (b) merujukkannya untuk diselesaikan kepada penimbang tara.

(3) Sesuatu rayuan terhadap keputusan Pendaftar atau penimbang tara di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat kepada Menteri dan hendaklah dibuat dalam tempoh dua bulan dari tarikh keputusan itu.

(4) Sesuatu keputusan Menteri dalam sesuatu rayuan di bawah subseksyen (3) adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(5) Sesuatu keputusan Pendaftar atau penimbang tara di bawah subseksyen (2) atau, jika ada sesuatu rayuan terhadapnya, keputusan sebagaimana yang disahkan atau diubah oleh Menteri, hendaklah dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seolah-olah keputusan itu ialah suatu penghakiman Mahkamah Sesyen.

Kes dinyatakan atas soal undang-undang

18. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen 17, Menteri boleh, pada bila-bila masa apabila sesuatu rayuan telah dirujukkan kepadanya di bawah seksyen itu, merujukkan apa-apa soal undang-undang yang berbangkit dalam perjalanan perosiding yang berhubungan dengan rayuan itu untuk pendapat Mahkamah Tinggi.

(2) Mahkamah Tinggi hendaklah mendengar dan memutuskan soal undang-undang yang dirujukkan sedemikian.

BAHAGIAN IVA

PENGGABUNGAN PERTUBUHAN PELADANG
KAWASAN DAN NEGERI

Prosedur penggabungan Pertubuhan Peladang Kawasan

18A. (1) Mana-mana Pertubuhan Peladang Kawasan boleh memberikan notis mengikut kaedah-kaedah pertubuhan tentang cadangannya hendak mengadakan mesyuarat agung khas pertubuhan itu yang ditetapkan khas bagi penggabungannya dengan Pertubuhan Peladang Kawasan yang lain akan dicadangkan.

(2) Dalam mesyuarat setiap Pertubuhan Peladang Kawasan itu, suatu ketetapan khas hendaklah dicadangkan bagi penggabungan tersebut dan suatu permohonan hendaklah dibuat kepada Pendaftar bagi maksud itu.

Pendaftaran Pertubuhan Peladang Negeri

18B. Jika sesuatu permohonan di bawah seksyen 18A telah dibuat berkenaan dengan setiap Pertubuhan Peladang Kawasan dan Pendaftar berpuas hati—

(a) bahawa ketetapan khas yang menyokong penggabungan yang dicadangkan itu telah diluluskan dengan sewajarnya oleh setiap Pertubuhan Peladang Kawasan bersamaan dalam segala butir-butir material dengan ketetapan yang diluluskan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan yang lain;

- (b) bahawa skim penggabungan yang terkandung dalam ketetapan itu dalam hal setiap Pertubuhan Peladang Kawasan adalah bersamaan dalam segala butir-butir material dengan ketetapan Pertubuhan Peladang Kawasan yang lain; dan
- (c) bahawa peruntukan perlembagaan atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang Negeri yang dicadangkan itu adalah mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini,

dia hendaklah mendaftarkan atau menyebabkan supaya didaftarkan Pertubuhan Peladang Negeri itu mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini.

Prosedur bagi penggabungan Persatuan Peladang Negeri

18c. Berkenaan dengan prosedur bagi penggabungan mana-mana dua Pertubuhan Peladang Negeri atau lebih, peruntukan seksyen 18A dan 18B hendaklah terpakai dengan syarat bahawa perkataan “Pertubuhan Peladang Kawasan” dan “Pertubuhan Peladang Negeri” di mana-mana jua terdapat masing-masingnya hendaklah digantikan dengan perkataan “Pertubuhan Peladang Negeri” dan “Pertubuhan Peladang Kebangsaan”.

BAHAGIAN V

PEMERIKSAAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMBUBARAN

Kuasa untuk memeriksa

19. Pendaftar atau seseorang yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu, mempunyai kuasa—

- (a) untuk memeriksa akaun dan harta sesuatu Pertubuhan Peladang atau unit anggota Pertubuhan Peladang itu; dan
- (b) untuk mengadakan suatu penyiasatan berkenaan dengan perjalanan urusan dan keadaan kewangan Pertubuhan Peladang itu atau unit anggota Pertubuhan Peladang itu.

Kuasa untuk menggantung dan membubarkan

20. (1) Jika Pendaftar berpendapat bahawa untuk kepentingan peladang amnya dalam sesuatu kawasan untuk berbuat demikian dia boleh dengan perintah menggantung perlembagaan atau kaedah-kaedah sesuatu Pertubuhan Peladang.

(2) Sebaik sahaja perintah di bawah subseksyen (1) dibuat, Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya suatu penyiasatan dibuat berkenaan dengan Pertubuhan Peladang itu yang mengenainya perintah itu telah dibuat atau berkenaan dengan apa-apa aspek urusan Pertubuhan Peladang itu.

(3) Selepas penyiasatan di bawah subseksyen (2) dibuat, Pendaftar boleh menarik balik perintah penggantungan itu atau memerintahkan supaya Pertubuhan Peladang itu dibubarkan sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat.

(4) Tertakluk kepada sesuatu rayuan yang dibuat di bawah peruntukan seksyen 21, perintah bagi membubarkan sesuatu Pertubuhan Peladang hendaklah berkuat kuasa apabila tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh perintah itu disiarkan.

(5) Sesuatu Pertubuhan Peladang yang terlibat oleh sesuatu perintah di bawah seksyen ini hendaklah dibubarkan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Rayuan

21. Seseorang yang terkilan dengan sesuatu perintah Pendaftar yang dibuat di bawah seksyen 20 boleh dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah itu dibuat, merayu kepada Menteri yang hendaklah mengesahkan atau membatalkan perintah itu, dan keputusan Menteri itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

Tidak boleh menjalankan urusan dalam masa penggantungan

22. Dalam tempoh penggantungan sesuatu Pertubuhan Peladang adalah menyalahi undang-undang bagi Pertubuhan Peladang itu menjalankan apa-apa urusan walau apa pun peruntukan seksyen 4:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak menghalang Pertubuhan Peladang itu daripada diuruskan atau urusannya daripada dijalankan oleh mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 23.

Pengurusan dalam masa penggantungan

23. Pendaftar adalah berwajib, selepas suatu perintah menggantung mana-mana Pertubuhan Peladang dibuat, untuk melantik mana-mana orang untuk menguruskan hal ehwal Pertubuhan Peladang itu dalam masa penggantungannya sehingga Jemaah Pengarah yang baru atau mana-mana pegawai Pertubuhan Peladang itu telah dipilih atau diambil kerja.

Audit

24. Pendaftar hendaklah mengaudit atau menyebabkan supaya diaudit oleh seseorang yang diberi kuasa olehnya melalui perintah am atau khas secara bertulis akaun tiap-tiap Pertubuhan Peladang atau unit anggota Pertubuhan Peladang itu sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

Hak akses kepada rekod, dsb.

24A. (1) Pendaftar atau tiap-tiap orang diberi kuasa berhak mendapat akses pada setiap masa kepada rekod perakaunan dan rekod lain, yang meliputi daftar, tiap-tiap Pertubuhan Peladang dan hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk memanggil pada masa pengauditannya itu mana-mana pegawai atau bekas pegawai, ejen, pekhidmat atau anggota Pertubuhan Peladang atau unit anggota yang dia ada sebab untuk mempercayai boleh memberikan maklumat material berhubung dengan apa-apa transaksi Pertubuhan Peladang atau unit anggota atau dengan pengurusan hal ehwalnya;
- (b) untuk menghendaki supaya dikemukakan di mana-mana tempat dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan olehnya apa-apa buku atau dokumen yang berhubung dengan hal ehwal, atau apa-apa wang tunai atau sekuriti kepunyaan, Pertubuhan Peladang berdaftar atau unit anggota oleh pegawai atau bekas pegawai, ejen, pekhidmat atau anggota yang memiliki buku, dokumen, wang tunai atau sekuriti itu.

(2) Jika dalam masa penggulungan sesuatu Pertubuhan Peladang atau unit ahli Pertubuhan Peladang itu atau berikutan daripada pengauditan di bawah seksyen 24 atau suatu penyiasatan atau

pemeriksaan di bawah seksyen 19 ternyata bahawa mana-mana orang yang telah mengambil bahagian dalam pengelolaan atau pengurusan Pertubuhan Peladang atau unit anggota itu atau mana-mana pegawai, ejen, pekhidmat atau anggota Pertubuhan Peladang atau unit anggota yang lalu atau sekarang telah menyalahgunakan atau menyimpan atau bertanggung atau bertanggungjawab bagi apa-apa wang atau harta Pertubuhan Peladang atau unit anggota itu atau telah melakukan kesalahan *misfeasance* atau pecah amanah berhubung dengan Pertubuhan Peladang atau unit anggota atau atas permohonan pelikuidasi atau mana-mana pemiutang atau pencarum, Pendaftar atau orang diberi kuasa lain hendaklah mempunyai kuasa untuk memeriksa tatakelakuan orang itu dan membuat suatu perintah meminta supaya dia membayar balik atau mengembalikan wang atau harta itu atau mana-mana bahagiannya berserta bunga mengikut apa-apa kadar yang difikirkan patut oleh Pendaftar atau memberi sumbangan sekian banyak kepada aset Pertubuhan Peladang atau unit anggota itu dengan cara pampasan berhubung dengan penyalahgunaan, penyimpanan, kecurangan atau pecah amanah itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar dan perintah itu hendaklah dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seolah-olah perintah itu ialah suatu penghakiman Mahkamah.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Daftar anggota

25. Sesuatu daftar atau senarai anggota atau unit anggota yang disimpan oleh mana-mana Pertubuhan Peladang hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai mana-mana daripada butir-butir berikut yang tercatat di dalamnya:

- (a) tarikh nama seseorang telah dicatatkan dalam daftar atau senarai itu sebagai seorang anggota;
- (b) tarikh nama sesuatu koperasi berasaskan pertanian atau kumpulan orang telah dicatatkan dalam daftar atau senarai itu sebagai suatu unit anggota;
- (c) tarikh seseorang, koperasi berasaskan pertanian atau kumpulan orang berhenti daripada menjadi seorang anggota atau unit anggota Pertubuhan Peladang itu.

Bukti mengenai catatan dalam buku Pertubuhan Peladang dan unit anggota

26. (1) Suatu salinan bagi sesuatu catatan dalam buku sesuatu Pertubuhan Peladang atau unit anggota bagi Pertubuhan Peladang itu yang biasa disimpan dalam perjalanan urusannya hendaklah, jika diperakui mengikut cara yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan, diterima dalam mana-mana prosiding undang-undang, sivil atau jenayah, sebagai keterangan *prima facie* mengenai adanya catatan itu dan hendaklah diterima sebagai keterangan mengenai perkara, transaksi dan akaun yang direkodkan di dalamnya itu dalam tiap-tiap hal jika dan setakat yang catatan asal itu sendiri boleh diterima sebagai keterangan.

(2) Tiada seorang pegawai bagi mana-mana Pertubuhan Peladang atau unit anggota itu boleh, dalam mana-mana prosiding undang-undang yang dalamnya Pertubuhan Peladang atau unit anggota itu tidak menjadi suatu pihak, dipaksa untuk mengemukakan apa-apa buku Pertubuhan Peladang atau unit anggota, yang kandungannya boleh dibuktikan di bawah subseksyen (1) atau dipaksa hadir sebagai saksi untuk membuktikan sesuatu perkara, urusan atau akaun yang direkodkan di dalamnya, melainkan jika diarahkan sedemikian oleh mahkamah atas sebab-sebab khas.

Kuasa khas Menteri bagi mengecualikan daripada kehendak tentang pendaftaran, dsb.

27. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini Menteri boleh, dengan perintah khas bagi setiap hal dan tertakluk kepada apa-apa syarat, jika ada, sebagaimana yang boleh dikenakannya, mengecualikan mana-mana Pertubuhan Peladang daripada apa-apa kehendak Akta ini tentang pendaftaran.

(2) Menteri boleh, dengan perintah am atau khas, mengecualikan mana-mana Pertubuhan Peladang daripada mana-mana peruntukan lain Akta ini, atau boleh mengarahkan bahawa peruntukan itu hendaklah terpakai bagi Pertubuhan Peladang itu mulai dari suatu tarikh atau dengan apa-apa ubah suaian sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu.

Kuasa untuk mengecualikan daripada duti atau cukai

28. Menteri Kewangan boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengenai sesuatu Pertubuhan Peladang atau sesuatu kelas Pertubuhan Peladang itu mengurangkan atau meremitkan—

- (a) duti atau cukai yang di bawah mana-mana undang-undang yang pada masa ini berkuat kuasa kena dibayar berkenaan dengan keuntungan Pertubuhan Peladang itu atau berkenaan dengan dividen atau bayaran lain yang diterima oleh anggota atau unit anggota Pertubuhan Peladang itu oleh sebab keuntungan;
- (b) duti setem yang boleh dikenakan di bawah mana-mana undang-undang yang pada masa ini berkuat kuasa atas setiap surat cara yang disempurnakan oleh atau bagi pihak mana-mana Pertubuhan Peladang, unit anggota itu atau oleh seorang pegawai atau anggota dan berhubung dengan urusan Pertubuhan Peladang atau unit anggota itu atau atas apa-apa kelas surat cara itu.

Mesyuarat agung tahunan

28A. (1) Mesyuarat agung tahunan tiap-tiap Pertubuhan Peladang hendaklah diadakan dalam masa tiga bulan selepas berakhirnya tahun kewangan setiap Pertubuhan Peladang.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Pertubuhan Peladang boleh memohon kepada Pendaftar bagi melanjutkan masa untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan.

Dilarang menggunakan perkataan “Pertubuhan Peladang”

29. (1) Tiada seorang pun, pertubuhan atau syarikat atau persatuan melainkan Pertubuhan Peladang yang didaftarkan di bawah Akta ini boleh berniaga atau menjalankan urusan atas apa-apa nama atau gelaran yang sebahagiannya mengandungi perkataan “Pertubuhan Peladang” tanpa kebenaran Menteri:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh terpakai terhadap penggunaan oleh seseorang, sesuatu pertubuhan atau syarikat atau persatuan atau penggantinya dalam kepentingan apa-apa nama atau gelaran yang perniagaan atau urusan telah dijalankan pada permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Seseorang yang melanggar peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit, dan, mengenai kesalahan yang berterusan, denda tambahan sebanyak lima puluh ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

Undang-undang Kesatuan Sekerja dan Akta Syarikat tidak terpakai

30. Peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa berhubung dengan kesatuan sekerja dan peruntukan Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], tidak terpakai bagi mana-mana Pertubuhan Peladang yang didaftarkan di bawah Akta ini.

Kesalahan

31. Seseorang yang—

- (a) abai atau enggan melakukan apa-apa perbuatan atau enggan atau tidak memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki bagi maksud Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (b) memberi maklumat palsu atau membuat apa-apa pernyataan palsu mengenai apa-apa perkara yang dikehendaki diberikan atau dibuat di bawah peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (c) tidak menurut apa-apa permintaan atau perintah bertulis yang sah yang dikeluarkan di bawah peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
- (d) melanggar atau tidak mematuhi kehendak lain Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya,

melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit dan, mengenai kesalahan yang berterusan, denda tambahan sebanyak lima puluh ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

***Larangan dan sekatan ke atas pendaftaran koperasi berasaskan pertanian**

32. Mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] selepas Akta ini mula berkuat kuasa, dan yang satu daripada tujuan atau fungsi utamanya berkenaan dengan pengeluaran pertanian, kredit pertanian, pemasaran atau pemrosesan atau sesuatu usaha komersial dan perdagangan sedemikian hendaklah masuk sebagai unit anggota bagi mana-mana Pertubuhan Peladang sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang.

Kos bagi pembubaran paksa hendaklah ditanggung oleh Lembaga Pertubuhan Peladang

33. Jika di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 35, mana-mana koperasi berasaskan pertanian yang ada pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa dikehendaki secara paksa supaya dibubarkan, perbelanjaan bagi menggulung koperasi itu akibat peraturan-peraturan itu hendaklah dibayar oleh Lembaga Pertubuhan Peladang itu seolah-olah perbelanjaan itu telah dilakukan semasa menjalankan kuasa dan fungsinya.

Akta ini hendaklah terpakai

34. Selepas permulaan kuat kuasa Akta ini—

- (a) sekiranya ada sesuatu percanggahan antara peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dengan peruntukan Akta Koperasi 1993, peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah dipakai;
- (b) Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah berkenaan dengan koperasi berasaskan pertanian disifatkan sebagai Ketua Pendaftar bagi koperasi itu di bawah Akta Koperasi 1993, dan hendaklah terletak hak dengan dan boleh menjalankan semua atau mana-mana daripada kuasa Ketua Pendaftar itu.
- (c) (*Dimansuhkan oleh Akta A247*).

Peraturan-peraturan

35. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat segala peraturan yang perlu bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan yang diberikan oleh subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) menetapkan borang yang hendak digunakan dan syarat yang hendak dipatuhi dengan pembentukan, penubuhan dan pendaftaran sesuatu Pertubuhan Peladang, dalam penggabungan dua Pertubuhan Peladang atau lebih kepada satu Pertubuhan Peladang peringkat yang lebih tinggi dan pendaftarannya dan tatacara yang hendaklah terpakai mengenai perkara itu;
- (b) menetapkan syarat yang hendaklah dipatuhi oleh orang yang memohon supaya diterima masuk sebagai anggota, dan mengadakan peruntukan mengenai pemilihan dan penerimaan masuk anggota dari semasa ke semasa, dan pembayaran yang hendaklah dibuat dan kepentingan yang hendaklah diperoleh sebelum menjalankan hak anggota;
- (c) menghendaki sesuatu koperasi berasaskan pertanian untuk memasuki mana-mana Pertubuhan Peladang dan menurut kehendak itu boleh—
 - (i) mengawal selia kemasukan koperasi itu ke dalam Pertubuhan Peladang;
 - (ii) menentukan pembayaran yang hendaklah dibuat dan kepentingan yang hendaklah diperoleh oleh koperasi itu;
 - (iii) mengawal selia penubuhan, pengurusan dan takat pengawalan koperasi itu oleh Pertubuhan Peladang;
 - (iv) menentukan taraf, hak dan tanggungan anggota koperasi itu yang ialah unit yang berhubungan dengan Pertubuhan Peladang;
- (d) menetapkan bilangan maksimum syer atau bahagian maksimum modal sesuatu Pertubuhan Peladang berdaftar yang boleh dipegang oleh seorang anggota atau sesuatu unit anggota;

- (e) mengadakan peruntukan bagi anggota menarik diri dan bagi membuang anggota atau bagi menggantung dan membubarkan unit anggota dan bagi pembayaran, jika ada, yang hendaklah dibuat kepada anggota atau unit anggota yang menarik diri atau dibuang atau dibubarkan dan bagi tanggungan bekas anggota dan unit anggota;
- (f) mengadakan peruntukan bagi mesyuarat anggota dan unit anggota dan bagi tatacara di mesyuarat itu dan kuasa yang hendaklah dijalankan oleh mesyuarat itu;
- (g) mengadakan peruntukan mengenai penubuhan, keanggotaan, pelantikan, penggantungan dan pemecatan Jemaah Pengarah dan pegawai dan pekhidmat lain Pertubuhan Peladang dan mengenai tatacara di mesyuarat Jemaah Pengarah dan mengenai kuasa yang hendaklah dijalankan dan kewajipan yang hendaklah dilaksanakan oleh Jemaah Pengarah dan pegawai dan pekhidmat lain Pertubuhan Peladang;
- (h) menetapkan perkara yang berkenaan dengannya sesuatu Pertubuhan Peladang boleh atau hendaklah membuat kaedah-kaedah dan tatacara yang hendaklah diikuti pada membuat, mengubah dan membatalkan kaedah-kaedah dan syarat yang hendaklah dipenuhi sebelum membuat, mengubah atau membatalkan kaedah-kaedah itu;
- (i) mengawal selia cara bagaimana wang boleh didapati dengan jalan syer atau debentur atau selainnya;
- (j) menetapkan syarat yang hendaklah dipatuhi oleh sesuatu Pertubuhan Peladang yang memohon bantuan kewangan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang;
- (k) menetapkan pembayaran yang hendaklah dibuat, syarat yang hendaklah dipatuhi, dan bentuk bon, surat cara atau suratan lain yang hendaklah disempurnakan, oleh anggota atau unit anggota yang memohon pinjaman atau kredit wang tunai, tempoh pinjaman atau kredit boleh diberikan, dan amaun maksimum yang boleh dipinjamkan dan kredit maksimum yang boleh dibenarkan bagi seseorang anggota atau sesuatu unit anggota dengan atau tanpa persetujuan Pendaftar;

- (l) mengadakan peruntukan mengenai cara bagaimana nilai kepentingan seseorang anggota yang sudah mati atau nilai kepentingan sesuatu unit anggota yang dibubarkan hendak ditentukan, dan mengenai penamaan seseorang yang kepadanya kepentingan itu boleh dibayar atau dipindahkan hakmilik;
- (m) mengadakan peruntukan mengenai cara bagaimana nilai kepentingan seseorang yang telah tidak sempurna akal nya dan yang tidak berupaya menguruskan dirinya atau hal ehwalnya hendak ditentukan dan mengenai penamaan seseorang yang kepadanya kepentingan itu boleh dibayar atau dipindahkan hakmilik;
- (n) mengadakan peruntukan mengenai pembentukan dan penyenggaraan kumpulan wang rizab, dan tujuan kumpulan wang itu boleh digunakan, dan mengenai pelaburan apa-apa wang yang ada di bawah kawalan mana-mana Pertubuhan Peladang;
- (o) menetapkan syarat yang di bawahnya keuntungan boleh dibahagikan kepada anggota dan unit anggota sesuatu Pertubuhan Peladang dan kadar maksimum dividen yang boleh dibayar oleh Pertubuhan Peladang;
- (p) menetapkan sistem pengauditan dan pengakaunan sesuatu Pertubuhan Peladang dan bagi penyiaran berkala suatu kunci kira-kira yang menunjukkan aset dan tanggungan sesuatu Pertubuhan Peladang;
- (q) menetapkan penyata yang hendaklah dihantar oleh sesuatu Pertubuhan Peladang kepada Pendaftar dan orang yang oleh siapa dan bentuk yang dalamnya penyata itu hendaklah dibuat;
- (r) mengadakan peruntukan mengenai penyenggaraan suatu daftar anggota dan unit anggota, dan suatu daftar syer;
- (s) mengadakan peruntukan mengenai pemeriksaan suratan dan daftar di pejabat Pendaftar dan bayaran yang hendaklah dibayar baginya dan mengenai pengeluaran salinan bagi suratan atau daftar itu;
- (t) menetapkan cara bagaimana sesuatu soal tentang pelanggaran sesuatu kaedah atau kontrak berhubung dengan pelupusan hasil kepada atau melalui sesuatu Pertubuhan Peladang boleh ditentukan dan cara bagaimana ganti rugi yang ditentukan banyaknya bagi sesuatu pelanggaran itu boleh ditentukan atau ditaksirkan;

- (u) menetapkan cara melantik penimbang tara dan tatacara yang hendaklah diikuti dalam prosiding di hadapan Pendaftar atau penimbang tara itu;
- (v) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti apabila sesuatu unit anggota atau sesuatu Pertubuhan Peladang digantung atau dibubarkan dan mengadakan peruntukan mengenai pelantikan seorang pelikuidasi dan tatacara yang hendaklah diikuti olehnya;
- (w) menetapkan borang yang hendaklah digunakan, bayaran yang hendaklah dibayar, tatacara yang hendaklah dipatuhi dan segala perkara lain yang berkaitan atau bersampingan dengan pengemukaan, pendengaran dan penyelesaian rayuan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan.

Pemansuhan

36. (1) Akta Persatuan Peladang 1967 [*Akta 27 tahun 1967*] dimansuhkan.

(2) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa—

- (a) semua Persatuan Peladang hendaklah disifatkan sebagai dibentuk dan didaftarkan di bawah Akta ini;
 - (b) apa-apa sebutan mengenai “Persatuan Peladang” dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai “Pertubuhan Peladang”; dan
 - (c) pertukaran nama “Persatuan Peladang” kepada “Pertubuhan Peladang” tidaklah menjejaskan apa-apa hak atau tanggungan Persatuan Peladang atau menjadikan tercatat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya, dan apa-apa prosiding undang-undang yang mungkin telah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya sebelum permulaan kuat kuasa seksyen ini bolehlah diteruskan atau dimulakan di bawah namanya yang baharu.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 109****AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A247	Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1974	15-03-1974
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A552	Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1983	01-04-1983
Akta A721	Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1989	01-10-1989
Akta 502	Akta Koperasi 1993	22-01-1994
P.U. (A) 343/2002	Perintah Penyemakan Undang- Undang (Pembetulan Akta Pertubuhan Ladang 1973) 2002	23-08-2002

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 109

AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A552	01-04-1983
3	Akta A552	01-04-1983
6	Akta A552 Akta A721	01-04-1983 01-10-1989
9	Akta A552	01-04-1983
12	Akta A721	01-10-1989
15A-15B	Akta A552	01-04-1983
17	Akta A552	01-04-1983
18A-18C	Akta A552	01-04-1983
24A	Akta A552	01-04-1983
25	Akta A552	01-04-1983
28A	Akta A552	01-04-1983
29	Akta 160	29-08-1975
31	Akta 160	29-08-1975
32	Akta A247 Akta A552	15-03-1974 01-04-1983
33	Akta A552	01-04-1983
34	Akta A247 Akta A552 Akta A721	15-03-1974 01-04-1983 01-10-1989
35	Akta A552	01-04-1983
36	Akta A552	01-04-1983
